

'Larangan ke atas guru untuk memberi keadilan'

BH 11 SEP 1985

Oleh HAMBALI A. LATIF

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, tujuan kerajaan tidak membenarkan guru-guru kategori 'D' dan guru-guru yang belum disahkan dalam jawatan bergiat cergas dalam politik ialah untuk memberi keadilan kepada semua kakitangan kerajaan.

Menurut Perdana Menteri, jika guru-guru berpangkat tinggi dibenarkan cergas dalam politik, bagaimana pula dengan

pegawai-pegawai kerajaan yang lain yang sama taraf dengan mereka.

Katanya dalam satu pertemuan dengan *Berita Harian* di pejabatnya di sini hari ini, pegawai-pegawai lain dalam perkhidmatan kerajaan juga berhak bergiat dalam politik.

Menteri Pelajaran, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, mengumumkan pertengahan bulan lalu bahawa semua kaki-

tangan akademik Kementerian Pelajaran, termasuk pensyarah dan guru, tidak boleh cergas atau memegang jawatan penting dalam pertubuhan-pertubuhan politik.

Menurut menteri itu, mereka dilarang berbuat demikian kerana mereka adalah tertakluk kepada Perintah Am.

Timbalannya, Haji Bung Ujis pula berkata, guru-guru kategori 'D' dan guru-guru yang belum disahkan dalam ja-

watan tidak dibenarkan bergerak cergas dalam politik.

Katanya, guru-guru itu hanya boleh menjadi anggota pertubuhan politik tanpa terlibat secara giat.

Perdana Menteri, bagaimanapun, tidak menafikan sumbangan penting guru-guru kepada politik negara.

Malah, mereka adalah tenaga penggerak utama sebelum merdeka, khususnya dalam Umno, kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga presiden Umno berpendapat, larangan itu tidak akan menjejaskan kekuatan Umno kerana masih ramai guru yang boleh menyumbang kepada parti itu dan negara keseluruhannya.

"Mereka itu mula bergiat di dalam parti ketika berpangkat rendah. Tetapi kini ramai daripada mereka sudah menjadi Pengarah Pelajaran atau Timbalan Pengarah Pelajaran yang kedudukan mereka penting kepada perkhidmatan kerajaan," ujarnya.

Perdana Menteri menjelaskan, walaupun disekat bergerak cergas, guru-guru masih boleh menunjukkan simpati kepada mana-mana parti politik asalkan tidak bertentangan dengan Perintah Am.